



## PASUKAN PETUGAS KHAS IMUNISASI COVID-19 COVID-19 IMMUNISATION TASK FORCE (CITF)

---

### PENGUMUMAN PROGRAM IMUNISASI COVID-19 KEBANGSAAN (BUKAN WARGANEGARA) DI LEMBAH KLANG

---

Selari dengan penumpuan kepada usaha *mop-up* atau mencari golongan tercicir yang masih belum menerima suntikan vaksin COVID-19 di Lembah Klang, Pasukan Petugas Khas Imunisasi COVID-19 (CITF) ingin memaklumkan beberapa ketetapan baharu sebagai kesinambungan kepada usaha pemvaksinan bukan warganegara yang bekerja di Lembah Klang di bawah seliaan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB).

1. Program vaksinasi kini dibuka kepada pekerja bukan warganegara semua sektor di Kawasan Lembah Klang bermula 27 September 2021 (Isnin) sehingga 6 Oktober 2021 (Rabu) secara janji temu atau *walk-in* di Pusat Pemberian Vaksin Pusat Konvensyen CIDB, Jalan Cheras, Kuala Lumpur (PPV CIDB). Waktu operasi adalah dari jam 9:00 pagi hingga 6:00 petang.
2. Bukan warganegara digalakkan untuk mendaftarkan nama mereka secara atas talian di laman sesawang <https://vaccine.cidblink.com/> untuk mendapatkan janji temu dan untuk mempercepatkan proses pendaftaran apabila mereka hadir di PPV CIDB nanti.
3. Pendaftaran boleh dilakukan secara individu atau melalui majikan.
4. Setelah pendaftaran dan pembayaran secara atas talian (online) dibuat, mereka akan diberikan janji temu melalui emel dan/atau sistem pesanan ringkas (SMS). Pembayaran adalah sebanyak RM90.00/seorang untuk dua (2) dos suntikan.
5. Bagi peserta yang tidak mendaftar tetapi mahu pergi ke PPV CIDB secara *walk-in*, pembayaran boleh dibuat apabila tiba di sana tertakluk kepada kekosongan pada hari tersebut.
6. Majikan yang menghantar lebih daripada 10 orang pekerja dalam satu hari perlu menghantar wakil syarikat untuk menguruskan pekerja mereka di PPV CIDB. Majikan juga bertanggungjawab memastikan mereka memahami segala proses dan borang yang perlu diisi di PPV seperti borang kebenaran digital untuk memudahkan proses vaksinasi.

7. Kapasiti harian PPV adalah sebanyak 2,000 orang sehari. *Walk-in* juga adalah berdasarkan kaedah *first-come-first-serve* bergantung kepada kapasiti bekalan vaksin harian di PPV CIDB.
8. Pemberian vaksinasi adalah tertakluk kepada terma dan syarat yang telah digariskan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Prosedur Operasi Standard (SOP) PPV CIDB.

Setiap bukan warganegara yang hadir ke PPV perlu membawa dokumen yang berkaitan seperti passport atau sebarang dokumen pengenalan diri (bercetak) beserta telefon pintar dan bukti yang menunjukkan mereka bekerja di Lembah Klang.

Sebarang pertanyaan boleh hubungi Pasukan Sekretariat Vaksinasi di talian 03-40428880/ +6011-35491795 atau emailkan ke [vaksin.kv@cidbh.com.my](mailto:vaksin.kv@cidbh.com.my).

**– TAMAT –**

Dikeluarkan pada: 23 September 2021